

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 JUN 2017 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tiga MoU teknologi hijau akan dimeterai di Astana 2017	BERNAMA
2.	Three green tech MoUs to be inked at Astana 2017	BERNAMA
3.	Kaedah pemulihan data berjaya ditemui	Berita Harian
4.	Malaysia rangkul dua anugerah di WSIS	BERNAMA
5.	Malaysia reaps two awards at WSIS	BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 14 JUN 2017 (RABU)



Tiga MoU Teknologi Hijau Akan Dimeterai Di Astana 2017



PUTRAJAYA, 13 Jun (Bernama) -- **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** dijangka menyaksikan pemeteraian tiga memorandum persefahaman (MoU) mengenai teknologi hijau pada 26 Jun, 2017, di Astana Expo 2017 di Kazakhstan.

MoU itu akan melibatkan Ronser Biotech Bhd dan Nusantara Associates Limited Liability Partnership (LLP) Kazakhstan, iCycle Sdn Bhd dan Daerah Tianhe di Guangzhou, serta iCycle dan negeri Kerala di India.

Menteri MOSTI Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau berkata MoU itu akan membolehkan syarikat mengkaji langkah untuk melengkapai antara satu sama lain dalam meningkatkan akses pasaran bagi produk dan perkhidmatan mereka, selain menggalakkan lebih banyak pelaburan merentas sempadan.

"Kami berharap perjanjian itu akan membantu syarikat yang terlibat meningkatkan perniagaan mereka dan kadar penembusan pasaran ke negara lain," katanya pada taklimat media mengenai pameran itu di sini hari ini.

Madius akan mengetuai delegasi yang terdiri daripada 26 wakil dari MOSTI, Malaysian **Bioeconomy Development Corporation, SIRIM Bhd, Yayasan Inovasi Malaysia** dan sektor swasta ke pameran tersebut dari 25-26 Jun.

Pameran selama lima hari itu, bertemakan "Inovasi Hijau, Menjana Masa Depan Anda", dari 26 Jun, menumpukan kepada kemampuan sumber biologi boleh diperbaharui dan penukaran kepada produk nilai tambah dalam industri makanan, biokimia, tenaga dan penjagaan kesihatan, melalui teknologi yang inovatif dan cekap.

Mengenai penyertaan MOSTI dalam acara itu, Madius berkata ia bertujuan untuk meninjau peluang baharu bagi kerjasama dan menarik pelaburan daripada institusi dan syarikat yang terletak di rantau Asia Tengah.

"Keutamaan kami adalah memulakan rundingan dengan rakan perniagaan strategik, yang juga menyokong inovasi, dan pada masa sama, mengemukakan cadangan nilai Malaysia kepada pelabur di rantau itu," katanya.

Beliau berkata ekspo tersebut dijangka menarik kira-kira 1,000 pengunjung sehari.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 14 JUN 2017 (RABU)



Three Green Tech MoUs To Be Inked At Astana 2017

PUTRAJAYA, June 13 (Bernama) -- **The Science, Technology and Innovation (MOSTI)** Minister is expected to witness the signing of three memorandums of understanding (MoUs) on green technology on June 26, 2017, at the Astana Expo 2017 in Kazakhstan.

The MoUs will involve Ronser Biotech Bhd and Nusantara Associates Limited Liability Partnership (LLP) Kazakhstan, iCycle Sdn Bhd and Guangzhou Tianhe district, as well as iCycle and India's Kerala state.

MOSTI Minister Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau said the MoUs would enable the companies to explore ways to complement each other to improve market access for their products and services, as well as promote more cross-border investments.

"We hope the agreements would help the companies involved to improve their businesses and enhance market penetration into other countries," he told a media briefing on the exhibition here today.

Madius will be leading a delegation comprising 26 delegates from MOSTI, Malaysian Bioeconomy Development Corporation, SIRIM Bhd, the Malaysian Foundation for Innovation and the private sector to the exhibition from June 25-26.

The five-day exhibition, themed "Green Innovation, Powering Your Future", from June 26, focuses on the sustainability of renewable biological resources and conversion into value-added products in the food, bio- chemicals, energy and healthcare wellness industries, via innovative and efficient technologies.

On MOSTI's participation in the event, Madius said it aimed to explore new opportunities for collaborations and to attract investments from institutions and companies located in the Central Asia region.

"Our priority would be to initiate talks with strategic business partners, who are also proponents of innovations, and at the same time, to present Malaysia's value proposition to investors in the region," he said.

He said the expo was expected to draw about 1,000 visitors a day.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (SERANGAN SIBER): MUKA SURAT 7
TARIKH : 14 JUN 2017 (RABU)

→**SERANGAN SIBER**

JANGKITAN SERANGAN RANSOMWARE WANNACRY

Kaedah pemulihan data berjaya ditemui

MyCERT jalan banyak ujian dapatkan semula fail asal daripada jangkitan virus

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

■ Seri Kembangan

CyberSecurity Malaysia semalam mengumumkan berjaya menemui kaedah pemulihan data akibat jangkitan serangan Ransomware WannaCry.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab, berkata pengguna internet yang terjejas dengan serangan itu kini boleh mendapatkan semula fail asal daripada jangkitan berkenaan. Katanya, penemuan itu hasil

usaha Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT) selepas menjalankan banyak ujian sebelum berjaya menemui penyelesaian berkenaan.

Lebih 30 kali ujian

"Kita menemui kaedah pemulihan data atau fail ini boleh digunakan untuk jangkitan Ransomware WannaCry sahaja dan ti-



Amirudin pada sesi taklimat mengenai kaedah pemulihan data akibat jangkitan Ransomware WannaCry, di Seri Kembangan, semalam.

dak dapat dilakukan untuk jangkitan ransomware jenis lain," katanya pada taklimat media mengenai penemuan itu di ibu pejabat CyberSecurity Malaysia di sini, semalam.

Serangan Ransomware WannaCry melanda dunia pada 12 Mei lalu dan merjeaskan lebih 200,000 sistem komputer di lebih 100 negara dengan Malaysia sahaja menerima tiga laporan kes berkenaan sehingga kini.

Amirudin berkata, pengguna internet terjejas boleh mendapatkan maklumat terperinci mengenai kaedah terbabit di laman sesawang agensi berkenaan di <https://www.mycert.org.my/en/services/advisories/mycert/2017/main/detail/1265/index.html>.

"Jika memerlukan bantuan, mereka boleh menghubungi kami melalui talian 1300882999 untuk mengetahui cara mendapatkan kembali fail yang sudah dikunci itu secara percuma.

"Selain itu, pengguna juga boleh terus datang ke pejabat kita di sini untuk mengetahui cara membaik pulih fail berkenaan. Caj perkhidmatan akan dikenakan antara RM400 hingga RM600 untuk satu komputer bergantung kepada saiz data dan masa diperlukan pula sehingga 24 jam," katanya.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 14 JUN 2017 (RABU)



Malaysia Rangkul Dua Anugerah Di WSIS



Datuk Dr Mohd Ali Mohamed Nor (dua, kanan) beraama pemenang dua anugerah sempena Sidang Kemuncak Dunia Mengenai Masyarakat Bermaklumat (WSIS) hari ini. Ahmef Nasir (kiri) dan Mohd Shamir Hashim (dua, kiri) yang mewakili Cyber Security Malaysia memenangi kategori Kerjasama Tempatan dan Serantau manakala A. Rahim Bain (kanan) mewakili Universiti Multimedia Malaysia memenangi anugerah kategori Aplikasi ICT dan Sains. Hadiah disediakan oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU).

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan Sains, Universiti Multimedia Malaysia telah memenangi anugerah melalui projek mengenai pengesanan protein dalam sarung tangan getah.

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Datuk Mohd Ali Mohamad Nor menzahirkan kebanggaan Malaysia atas kejayaan ini.

"Kemenangan ini melambangkan pencapaian Malaysia dalam bidang Sains dan Teknologi yang tinggi setara dengan masyarakat negara maju di dunia," katanya yang mewakili Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak di acara itu.

WSIS merupakan perhimpunan ICT tahunan terbesar di dunia.

-- BERNAMA

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Malaysia berjaya merangkul dua anugerah pada Sidang Kemuncak Dunia Mengenai Masyarakat Bermaklumat (WSIS) 2017 yang berlangsung dari 12 hingga 16 Jun di Geneva, Switzerland.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU).

Dalam kategori kerjasama tempatan dan serantau, **CyberSecurity Malaysia (CSM)** telah memenangi anugerah melalui projek Perkongsian Maklumat Analisis Model Ancaman Malware di Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Sementara itu, bagi kategori aplikasi (ICT) dan Sains, Universiti Multimedia Malaysia

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 14 JUN 2017 (RABU)



Malaysia Reaps Two Awards At WSIS

KUALA LUMPUR, June 13 (Bernama) -- Malaysia won two awards at the 2017 World Summit on Information Society (WSIS) being held on June 12-16 in Geneva, Switzerland.

The award was presented by the International Telecommunication Union (ITU).

In the local and regional cooperation category, **CyberSecurity Malaysia (CSM)** won an award through the project, Information Sharing Analysis of Malware threats in Organisation of Islamic Cooperation (OIC).

Meanwhile, Universiti Multimedia Malaysia's project on detection of protein in latex gloves won the Information and Communication Technology (ICT) and Science application category.

Ministry of Communications and Multimedia Malaysia (KKMM) deputy secretary-general (Operations) Datuk Mohd Ali Mohamad Nor Malaysia expressed pride at the achievement.

"These victories symbolise Malaysia's achievements in the field of science and technology on par with the societies of developed countries in the world," he said on behalf of KKMM Minister Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak at the event.

WSIS is the largest annual ICT gathering in the world.

-- BERNAMA